

Oleh Dalila Amair
rencana@hmetro.com.my

Bukan sekadar indah di mata, karya seni yang dipamerkan di LEAF Exhibition 2025 di Universiti Putra Malaysia (UPM) ini adalah terjemahan kepada krisis landskap negara yang semakin membimbangkan.

Mengangkat tema 'Landscape in Crisis, Art in Action,' pameran anjuran Fakulti Rekabentuk dan Seni (FRSB), Universiti Putra Malaysia (UPM) ini julung kali diadakan.

La menampilkan 10 karya seni asli berasaskan kajian akademik pelajar tahun ketiga Sarjana Muda Seni (SLA) Landskap universiti berkenaan.

Menurut Penyelaras Kursus Penyelidikan dan Seminar dalam Seni (SPSS) Landskap, Profesor Madya Ts Dr Mohd Yazid Mohd Yunus, karya yang dipamerkan bukan sekadar poster atau laporan kajian, sebaliknya diolah menjadi visual interaktif yang mampu mengundang emosi.

"Kami mahu orang ramai bukan hanya membaca, tetapi merasai dan berinteraksi dengan mesej yang ingin disampaikan."

"Seni membolehkan data saintifik yang rumit diterjemahkan menjadi pengalaman yang dekat dengan hati," katanya.

Setiap karya adalah hasil kajian terhadap 42 isu kritikal landskap yang kemudiannya digabungkan kepada 10 tema besar.

Antara yang mencuri perhatian ialah instalasi seni berkenaan kemusnahan habitat

Kami mahu orang ramai bukan hanya membaca, tetapi merasai dan berinteraksi dengan mesej yang ingin disampaikan

DR MOHD YAZID

OLAHAN VISUAL KREATIF

10 karya seni asli berasaskan kajian akademik pelajar tahun ketiga UPM



DR Mohd Yazid mengakui karya dipamerkan menjadi visual interaktif yang mampu mengundang emosi.

dan biodiversiti di kawasan bandar serta luar bandar yang mempamerkan empat isu utama yang mengancam kawasan paya bakau.

Ketua pembentang, Ashley Sarah berkata, papan interaktif bersaiz besar itu direka bagi mengajak pengunjung berinteraksi sambil memahami punca, kesan dan kemungkinan solusi sesuatu isu.

"Kami pilih isu yang paling dekat dengan kehidupan manusia. Warna dan bentuk dalam karya ini menjadi simbol kepada perasaan kehilangan dan keterasingan apabila landskap musnah," katanya.

Ada juga karya yang memvisualkan krisis 'wetland' sebagai penapis air semula jadi.

Tanpa kawasan ini, hujan lebat akan membawa lumpur serta pencemaran terus ke tasik bandar.

Selain itu, karya bertemakan tekanan tenaga di bandar dan kebergantungan terhadap sumber tidak boleh diperbaharui turut dipamerkan bagi memberi kesedaran berkenaan kesan jangka panjang terhadap alam sekitar dan kualiti hidup masyarakat bandar.

Sementara itu, Ketua Kumpulan Tasneem Aliah

Abdul Jalil berkata, kini dunia memang bergerak ke arah teknologi moden, cuma sumber tenaga itu sebaiknya diperoleh daripada alam semula jadi.

"Jika terlalu banyak bergantung pada elektrik dan tenaga yang tidak bersumberkan alam, ia akan memberi kesan buruk kepada dunia kita hari ini," katanya.

Pameran itu membuktikan seni bukan sekadar hiburan visual, tetapi boleh menjadi medium untuk membuka mata masyarakat terhadap realiti krisis alam sekitar yang semakin merisaukan.



ANTARA karya yang dipamerkan.



SETIAP karya mencuri perhatian pelajar.



SIMBOLIK karya dengan terjemahan tersendiri.